UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/ 8 / 2008

# Mahathir sangsi Anwar boleh jadi PM

Um - 28/8/2008

27 Ogos – Tun Dr. amad (**gambar**) sangsi i Anwar Ibrahim akan na Menteri akan da- memenangi pilihan men Permatang Pauh

na Menteri itu yakin an berjaya mendapat- urangnya 30 anggota ada Barisan Nasional (BN) untuk berpaling tadah menyertai pembangkang membentuk kerajaan dengan majoriti mudah.

"Beliau (Anwar) mungkin fikir yang beliau boleh membeli mereka tetapi pembida lain mungkin mempunyai lebih banyak wang," katanya kepada pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas kemasukan semula Anwar ke Parlimen selepas menewaskan calon BN, Datuk Arif Shah Omar Shah dengan majoriti 15,671 undi dalam pilihan raya kecil itu.

Katanya, kerajaan perlu mengambil perhatian mesej yang diberikan oleh pengundi pada kali ini, lima bulan selepas pilihan raya umum.

"Sebenarnya Parti Keadilan Rakyat tidak menang dalam pilihan raya kecil itu tetapi BN yang kalah dalam pilihan raya kecil itu," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau bimbang kemerosotan populariti BN dalam jangka masa lima bulan selepas pilihan raya umum bukan hanya berlaku di Permatang Pauh sahaja tetapi satu trend di kawasan lain juga.

– **Bernama**

